

Pesilat perlu pamer keupayaan cemerlang 13 FEB 1989 — Rahman

BARISAN pesilat kebangsaan perlu mempamer keupayaan cemerlang pada latihan pusat peringkat kelima selama 12 hari, bermula 15 Februari ini, di Pusat Seni Kota Bharu, jika mahu membawa cabaran negara ke Sukan SEA, pada Ogos ini.

Setiasaha Agung Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka), Abdul Rahman Hassan, berkata disiplin yang tinggi dan tidak melanggar arahan jurulatih adalah antara ciri yang akan diambil kira dalam pemilihan 15 pesilat mengikuti latihan keenam selama sebulan di Kuala Lumpur, pada Julai ini.

Beliau berkata, disiplin diri adalah lambang kesungguhan pesilat-pesilat bagi membawa cabaran negara ke kejohanan itu, dan mereka perlu memiliki disiplin mereka yang tinggi jika mahu menyertai skuad kebangsaan.

"30 pesilat — 20 lelaki dan 10 wanita — akan menyertai latihan pusat kelima sehingga 26 Februari ini," katanya, semalam.

Antara pesilat itu — bekas pesilat Sukan SEA di Jakarta — Ahmad Rafie Yaakob, Ahmad Kusairi, Wan Aminuddin Baki, Mohamad Zakri, Ahmad Wardi, Azam Abas dan Zaleha Suradi.

Mereka akan dilatih oleh ketua jurulatih Mohd Sani Morni dan dibantu oleh enam jurulatih pusat cemerlang.

Menurut Abdul Rahman, penekanan utama latihan kelima ialah meningkatkan stamina, mengemaskinikan teknik dan taktik, serangan dan belaan.

Pesaka

Beliau meminta setiap pesilat terbabit membuktikan kesungguhan mereka mengikuti latihan, kerana Pesaka hanya akan memilih 15 pesilat — 10 lelaki dan lima wanita — terbaik sahaja mengikuti latihan keenam selama sebulan di Kuala Lumpur, sebelum layak ke Sukan SEA.

"Pada 15 pesilat kebangsaan itulah terletak harapan bagi mencatatkan kecemerlangan memungut sekurang-kurangnya lima pingat emas dan lebih pingat lain di kejohanan itu nanti," katanya.

Sementara itu, Abdul Rahman berharap pesilat yang akan mengikuti latihan pusat itu akan diberi cuti tanpa rekod oleh majikan masing-masing.

"Kami sangat memerlukan sokongan daripada majikan berkenaan supaya melepaskan pesilat menyertai latihan pusat tanpa menghadapi masalah cuti," katanya.

Beliau berkata, tambahan pula penyertaan pekerja mereka dalam sukan silat adalah untuk negara dan bukan diri sendiri.



■ A RAHMAN HASSAN